

**DOKUMENTASI SEJARAH LISAN  
WAWANCARA BERSAMA  
TAN SRI DATO' HJ. HUSEIN BIN AHMAD,  
TOKOH POLITIK NEGERI KELANTAN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**HASNAZIRA BINTI HUZMI  
ZURAIMAH BINTI YACOB**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
18500 MACHANG, KELANTAN**

**JUNE 2013**

## PENGHARGAAN

*Assalamualaikum w.b.t. Terlebihdahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda. Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 604.*

*Documenting Oral History (Sejarah Lisan), Encik Mohd Idzwan Bin Mohd Salleh yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.*

*Tan Sri Dato' Hj. Husein Bin Ahmad, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.*

*Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.*

*Sekian terima kasih.*

## **Isi Kandungan**

Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	iii
1.0 Biodata dan Profil Peribadi Tokoh	iv
2.0 Transkrip Wawancara	1 - 38
3.0 Rujukan (Stail APA)	39
4.0 Senarai Soalan Wawancara	40 - 43
5.0 Log Wawancara	44 - 47
6.0 Indeks	48 - 49
7.0 Lampiran-Lampiran	
7.1 Perjanjian Tokoh	
7.2 Gambar Peristiwa / Wawancara	
7.3 CD / DVD Wawancara	

## **ABSTRAK**

### **Transkrip Temubual Bersama Tan Sri Dato' Hj. Husein Bin Ahmad Mengenai Pembabitan Beliau Dalam Bidang Politik.**

*Transkrip ini mengandungi temubual bersama Tan Sri Dato' Hj. Husein mengenai kerjaya beliau dalam politik yang sudah mencapai 32 tahun beliau menjadi Ketua Penerangan Malaysia. Transkrip temubual ini dijalankan di rumah beliau, yang beralamat di, Teratak Huda, Jalan Lati, 17000 Pasir Mas, Kelantan pada 22 Mei 2013 bermula jam 5.15 petang. Beliau merupakan salah seorang ahli politik yang ternama kerana terlibat di dalam pelbagai aktiviti yang berteraskan untuk membangkitkan nasionalisme orang Melayu. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau semasa menjadi Ahli politik. Selain itu, temubual ini memumpukan tentang pengalaman yang beliau lalui sepanjang menjadi Ketua Penerangan Malaysia yang terlama, Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang dan sebagainya. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau boleh berkecimpung dalam bidang politik. Selain itu, beberapa pendapat beliau mengenai politik dulu dan sekarang dan ternyata semangat beliau dalam membangkitkan semangat orang Melayu masih kuat turut dikupas.*

***Kata kunci : Tan Sri Dato' Hj. Husein Bin Ahmad, Ketua Penerangan UMNO, Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang, Terlama memegang jawatan.***

## 1.0 BIODATA DAN PROFIL PERIBADI TOKOH



1.	<b>Nama Penuh:</b>	Tan Sri Dato' Hj Husein Bin Ahmad
2.	<b>Alamat Surat-Menyurat:</b>	Teratak Huda, Jalan Lati, 17000 Pasir Mas Kelantan
3.	<b>Kelahiran:</b>	Bukit Panau, Tanah Merah, Kelantan
4.	<b>Jantina:</b>	Lelaki
5.	<b>Bangsa:</b>	Melayu
6.	<b>Keluarga</b> <b>(Adik-beradik, Isteri dan Anak):</b>	Isteri- Puan Sri Khadijah Ibrahim Anak- Husni Husein Sabariah Husein Huzmi Husein Sabarina Husein Huzaidi Husein Huzman Husein Sabarita Husein Sabariza Husein
7.	<b>Hobi:</b>	Membaca, bermain alat muzik
8.	<b>Kerjaya:</b>	Ahli veteran politik
11.	<b>Sumbangan:</b>	Mempertahankan tanah UiTM kepada pembangunan UiTM daripada di jadikan lading buah pala oleh Sultan Kelantan

## **2.0 TRANSKRIP WAWANCARA**

Berikut merupakan rakaman temubual sejarah lisan dijalankan oleh Hasnazira Bt Huzmi dan Zuraimah Bt Yacob bersama Hussien Bin Ahmad mengenai sejarah penglibatan beliau dalam bidang Ahli Politik dan juga Ketua Penerangan Malaysia. Temubual ini telah dijalankan di rumah beliau di Pasir Mas, pada tarikh 22 Mei 2013 jam lima lima belas minit petang.

**ZY : ZURAIMAH YACOB**

**HA : HUSEIN AHMAD**

**ZY: Baik ye Tan sri, sekarang kita beralih kepada bahagian yang kedua. aaa... Dimana saya akan bertanyakan Tan Sri Tentang soalan berdasarkan aaa.. pengalaman Tan Sri dalam bidang politik dan sedikit sebanyak tentang masa kecil Tan Sri.**

**ZY: Soalan pertama saya. Dimanakah Tan Sri dibesarkan?**

**HA: saya dibesarkan di Pasir Mas. Hmmmm... (membetulkan suara)**

**ZY: Ok. (baiklah).hmmm...(membetulkan suara) boleh Tan Sri ceritakan sedikit tentang aktiviti kegemaran Tan Sri pada masa kecil dulu?**

**HA: Saya daripada kecil lagi suka...suka main sukan..suka main sukan..dan daripada kecil dan dulu main woh guli (buah guli) tu(itu)..woh guli..woh guroh(buah guli)..orang Kelantan panggil woh guroh..(buah guli) awak kenal dok(tak) buah guroh?buah guli..yang bulat tu(itu)..ha..itu..itu permainan saya waktu budak dulu..(ketuk meja) dan saya suka main bola sepak daripada kecil lagi(suara penemuduga mengulang semula)**

**ZY: (Berdehem)**

HA: Dulu main bola sepak apa (dengan apa) awak tau(tahu)? Buah limau...buah limau..limau besar tu (itu).ha..itulah buat bola, mana ada bola zaman dulu. Tak ada..tak ada..tahu main saja.

**ZY: Ok..(baiklah)aaa....jd..aaa...adakah kegemaran Tan Sri aaa..pada waktu itu mempengaruhi Tan Sri dalam penglibatan Tan Sri dalam bidang politik?**

HA: (menarik nafas)aaa..saya selalu merenungkan keadaan( bunyi batuk) keluarga saya, anak beranak saya, masyarakat saya (bunyi ketukan kecil) dan saya pernah duduk di zaman jepun (bunyi belekkan kertas) saya rapat dengan seorang tentera jepun yang berpangkat kenel(kolenal). Masa tu (itu) saya budak lagi. Dia ni (ini) datang duduk sini, selamba tak de (ada) apa duduk jual kelepek je, buat kelepek, kelepek gulung, tapi kalau jepun masuk,(bunyi belekkan kertas) kita di perintah menyambut kedatangan orang besar jepun , tengok-tengok dia. Jepun ni(ini), kita namakan dia pak mat. Orang kampung panggil dia pak mat. Pok (pak) mat jepun. Jadi Jepun ini lah yang menyelamatkan orang-orang kampung saya, di kampung woh (buah) celagi ni (ini) daripada kekejaman Jepun, dan saya nampak ehem..(betulkan suara), orang melayu kita di jajah oleh Jepun, di jajah oleh Siam, jadi saya budak lagi, saya duk (sedang) perhati (memerhati), apasal (apa pasal) orang Siam datang sini jadi orang besar dan Jepun pun saya tengok apa sal(pasal) yang ni(ini) jual kelepek pun boleh jadi orang besar (bunyi batuk), bangsa saya sendiri macam mana? Saya orang Melayu, ini negeri Melayu, jadi masa itu lagi saya sudah di.. di resapi apa ni, titik-titik perjuangan yang berteraskan nasionalisme melayu.

**ZY: Ok(baiklah). Aaa..Waktu zaman kanak-kanak Tan Sri dulu, ada tak Tan Sri memasuki mana-mana pasukan beruniform waktu di sekolah?**

HA: Ooo...ya. saya pengakap. Ya..pengakap.

**ZY: Jawatan pengakap, ada memegang jawatan?**

HA: Tak (tidak) ada lah, saya budak lagi. Ha..tetapi, apabila saya dah (sudah) jadi Timbalan Menteri Besar Kelantan, saya yang mengusahakan dewan pengakap di jalan PCB tu (itu). Saya yang buat tu (itu).

**ZY: Ok,(baiklah). Aaa...Boleh saya tahu tak cita-cita Tan Sri waktu kecil dulu?cita-cita?**

HA: Tak (tidak) ada. Saya tengok saya budak lagi, saya boleh jadi cikgu, saya jadi guru, saya masa tu (itu) umur 16 tahun jadi cikgu.

**ZY: Menjadi cikgu?**

HA: Hmm...Jadi, bila saya jadi guru, saya tengok..macam mana saya jadi cikgu sekolah melayu, aaa... keluar sekolah orang putih (sekolah inggeris) ,(batuk) and then (dan kemudiannya) saya duk (sedang) tengok, orang melayu hidup sentiasa di jajah. Itu yang menyirapkan perjuangan saya yang berteraskan nasionalisme. Saya mula berjuang, mula-mula start (bermula) jadi guru, saya yang buat bendera UMNO yang pertama di Pasir Mas ni (ini). Masa lawatan Tengku Abdul Rahman, Putera yang pertama ke Kelantan, dia mari (datang) daripada Golok, daripada Siam, singgah di sini, Pasir mas, saya bawak (bawa) bendera UMNO yang depan. Tak pergi sekolah, tak pergi mengajar bawak bendera UMNO kerana dulu nak (hendak) pergi Kota Bharu, kena lintas (menyeberangi) sungai Kelantan, menyeberang sungai pakai bot. Naik sebelah sana, ada pasir luas, jalan kaki. (Bunyi batuk dan ketukan kecil).



**ZY: Aaa... soalan yang seterusnya, aaa...Pernah tak Tan Sri terfikir dulu untuk menjadi seorang ahli politik yang disegani tak?**

HA: Tak (tidak) ada. Saya tak (tidak) pernah terfikir. Tetapi saya menyertai perjuangan orang Melayu. Daripada saya jadi guru lagi, saya selalu tak (tidak) boleh nak aktif dalam politik tak boleh kerana salah, mula-mula British penjajah tak benar, saya pakat dengan kawan-kawan guru buat sandiwara, sandiwara cerita, kalau dalam cerita yang di tulis oleh Tun Sri Lanang tu (itu), Hang Tuah hero, saya buat sandiwara Hang Jebat hero. Hero melayu adalah Hang Jebat, bukan Hang Tuah, Hang Tuah taat kepada Raja membuta tuli tetapi Hang jebat (bunyi pen jatuh) taat di atas keadilan. Jadi saya buat cerita Hang jebat ini, bertanding (ketukkan meja) buat sandiwara, saya buat sandiwara daripada guru-guru, bertanding dengan cerita Hang Tuah yang P.Ramlee buat. Jadi, tanding (bertanding) lah, cerita, kedua-dua cerita Hang Tuah dan saya tak pernah mimpi pun saya nak (hendak) jadi apa pemimpin dalam politik dan saya, tapi (tetapi) saya berminat untuk jadi ahli politik semasa saya jadi guru dan saya jadi pensyarah kepada latihan guru. Saya minta murid-murid saya, cikgu-cikgu buat lukisan. Saya di arah mengajar lukisan. Mulanya saya mengajar sejarah, tapi (tetapi) saya bangkit soal sejarah melayu, saya ditukar mengajar apa ni (ini), (cuba mengingati) ilmu alam, geographi. Saya selalu buat lukisan, saya sampai sekarang pun, saya main allocate (lukisan) peta-peta ni (ini). Sampai sekarang. Saya masih ingat macam mana nak (hendak) lukis peta semenanjung, ha..Macam mana nak (hendak) lukis peta negeri-negeri lain. Saya masih ingat lagi sampai sekarang. Hmm... Jadi orang putih tak (tidak) suka saya mengajar kerana melibatkan apa (cuba mengingati) nasionalisme melayu. Jadi, lalu saya ditukar mengajar lukisan.

**ZY: Hmm....**

**HA:** Suatu hari, saya duk (duduk) dalam kelas. Saya tak pandai lukisan. Pelajaran yang paling saya tak pandai, lukisan. Saya tulis di papan hijau, “sila lukiskan sepasang kasut but terletak di atas satu kepala yang pakai songkok”.

**ZY: Ha, ha, (ketawa).**

**HA:** Jadi, orang putih, Tuan pengarah pelajaran masuk tengok, baca tengok, dia tanya saya, dia marah saya, “cikgu buat apa ni?” saya kata, lukisan. Lukisan. Satu kasut but terletak atas kepala orang pakai songkok. Dia kata, apa makna ni? Saya cerita, kasut but, kasut but penjajah orang putih. Kepala rock (ranggi) yang pakai songkok tu (itu) kepala orang melayu. Jadi, ha...Terletak Aaa...Songkok, (tersusul) kasut but di atas songkok...ha... (Bunyi bising)(Batuk)

**ZY: (berdehem).Ok(baiklah).aaa...adakah kedua-dua ibu bapa Tan sri, aaa.. berpuas hati dengan pencapaian Tan Sri disekolah dulu?**

**HA:** Oh ya.

**ZY: (batuk).**

**HA:** Saya, ibu saya mati saya belum sekolah lagi. Tapi bapa saya ada, saya duduk dengan bapa saya dengan nenek saya dan ibu tiri saya. Ha..mereka yang mengasuhkan saya.

**ZY: Aaa... (berdehem). Aaa.. boleh Tan Sri ceritakan secara ringkas tentang pendidikan Tan Sri dari awal hingga tahap pendidikan Tan Sri tertinggi yang pernah capai?**

HA: Saya belajar di sekolah orang melayu, dan akhirnya saya dapat melaksanakan (cuba mengingati), kalau sekarang ni (ini) Diploma pendidikan lah.

**ZY: Ha...(mengiyakan)**

HA: Saya dulu, latihan guru dan saya menjadi pelatih kepada guru-guru latihan.

**ZY: Hmmm...(mengiyakan)**

HA: Makna nya saya jadi tutor (pengajar) tutor kepada guru.

**ZY: Tutor (mengangguk). Ok (baiklah). Aaa...apakah mata pelajaran yang Tan Sri gemari ketika di sekolah rendah dan sekolah menengah?**

HA: Saya suka dengan sejarah.

**ZY: Sejarah (mengangguk).**

HA: Sejarah yang paling saya suka.

**ZY: Ok (baiklah). Aaa... (berdehem). Boleh Tan Sri ceritakan kenangan waktu kecil yang masih dalam ingatan Tan Sri? Kenangan yang paling tak (tidak) dilupakan?**

HA: (cuba mengingati). Saya mula-mula jadi cikgu, saya tak (tidak) ada baju. Saya pinjam baju sepupu saya pergi ke sekolah, tempat yang saya duduk. Saya tak (tidak) ada seluar yang boleh dipakai untuk taraf menjadi guru, saya pinjam seluar sepupu saya, pergi ke sekolah. Itulah keseksaan pada zaman dulu. Sekarang awak budak pun pakai jaket (kot) dah. Saya dulu nak (hendak) menjadi cikgu, nak (hendak) pakai baju pun tak (tidak) ada.

**ZY: (ketawa).**

HA: Dan, saya pergi sekolah, pasal (kerana) saya budak dulu belajar, pakai tulis atas papan selit je (sahaja), batu, papan batu, tak (tiada) kertas macam sekarang. Awak buat apa...soalan untuk saya pun, bukan main dengan kertas bertaip. Dulu tak (tiada). Tak ada apa pun sekolah, tiada.

**ZY: Ok (Baiklah).**

HA: Kalau nak banding dulu dengan sekarang jauh la.

**ZY: Jauh la. (mengangguk) .**

HA: Macam langit, tujuh kali langit, tujuh petala langit dengan bumi, jauh. Sekarang awak boleh pakai pen, zaman dulu tak (tidak) ada, tak (tidak) ada.

**ZY: Lepas itu tulis dengan apa?**

HA: Tulis dengan kalam (pensil) batu. Kalam (pensil) batu lah. Kalau ada pun, rasa awak tengok cerita P.Ramlee, yang kalam kontot-kontot, ha..macam tu (itu) lah. Ha, potong-potong, kerat-kerat, bagi-bagi (bahagi) jadi kalam kontot-kontot, pendek-pendek. Macam ni (menunjukkan jari). Cerita P.Ramlee buat sindirian macam tu (itu) lah.

**ZY: Ooo...ok(baiklah). (berdehem). Selepas Tan Sri tamat sekolah menengah, aaa... apakah aktiviti masa lapang sebelum melanjutkan pelajaran pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi?**

HA: Tak (tidak) ada. Saya waktu saya jadi guru, saya banyak menumpukan kepada perjuangan untuk membangkitkan nasionalisme melayu. Dalam persatuan guru, saya buat sandiwara-sandiwara yang membangkitkan semangat orang Melayu. Kalau Tun Sri Lanang mengatakan Tuah sebagai hero, saya

mengatakan Jebat sebagai hero, dan dalam cerita-cerita yang saya buat, saya buat menantu ada seribu, saya buat sindiran kepada penjajah British. Tolak Tangga Berayun Kaki, yang kita sekarang ni (ini), tolak tangga berayun kaki. Duduk di bawah kerajaan PAS ni (ini), tak (tidak) ada benda pun. Patut awak tahu, zaman dulu teruk betul nak (hendak) boleh sebegini, bahkan saya mempunyai keinsafan pada zaman dulu lah, yang menyebabkan saya berjuang untuk mendapat tapak sekolah (UiTM) awak ni (ini). Tapak sekolah (UiTM) awak dulu, asalnya nama Bukit Anjing. Masa tu (itu) saya jadi Timbalan Menteri Besar, buat pilihan ambil tapak tu (itu) nak (hendak) jadikan pusat pelajaran, pusat pengajian, dan dari kes itulah, saya dimarah Raja, sehingga sampai saya ditarik Gelaran Dato' dan tapak sekolah (UiTM) yang awak belajar sekarang ni (ini) lah. Tapak tu (itu) apabila sudah di putuskan oleh kerajaan nak (hendak) dijadikan tapak UiTM, (bunyi bising) kemudian, Raja minta nak (hendak) bagi kepada satu syarikat nak (hendak) tanam Buah Pala, bawa masuk kertas ke dalam exco, saya menentang, exco –exco turut saya, tak (tidak) benar. Itu Raja marah. Kalau tidak, sekarang awak tak (tidak) dapat belajar situ, situ jadi kebun Buah Pala.

**ZY: (Ketawa).**

**HA:** Tapi saya lawan, saya kata tak (tidak boleh). Kita nak (hendak) hidup kan. Inilah bekalan saya. Cucu saya dapat belajar di situ, saya dah (sudah) balik modal. Saya dah (sudah) balik modal cucu saya dapat belajar di situ. (bunyi bising).

**ZY: Ok (baiklah). Aaa... (bunyi batuk) soalan yang seterusnya, aaa...apakah kelulusan tertinggi Tan Sri?**

HA: Itu lah, yang saya katakan macam Diploma pendidikan lah.

**ZY: Diploma pendidikan (mengangguk) (bunyi bising)(berdehem). Ok (Baiklah),  
Aaa... jadi sekarang, aaa...boleh tak (tidak) Tan Sri ceritakan tentang  
perkhidmatan Tan Sri dalam bidang politik? Aaa...pada tahun berapa Tan Sri  
berkhidmat dalam bidang ni (ini).**

HA: Start (bermula) tahun 51(1951), saya aktif dalam UMNO dan saya pernah  
menjadi Ketua UMNO yang terlama dalam tanah air (Malaysia), selama 32  
tahun saya menjadi Ketua UMO bahagian Rantau Panjang. (bunyi batuk), dan  
saya di lantik menjadi Ketua Penerangan UMNO Malaysia, selama 15 tahun.  
Tidak ada sorang pun yang lama macam saya. Saya berkhidmat di bawah Tun  
Dr. Mahathir selama 15 tahun menjadi Ketua Penerangannya dan saya melalui  
zaman gelombang yang dihadapi oleh politik melayu, iaitu UMNO, zaman  
krisis perlembagaan, krisis UMNO, UMNO di haramkan dan krisis dengan  
Raja-Raja. Ini semua saya dalam Ketua Penerangan, saya memikul  
tanggungjawab dan krisis UMNO di haramkan itu amat menyedihkan saya.  
Ramai rakan-rakan yang sama-sama menangis dengan saya, perkara  
aaa...UMNO di haramkan. Pada masa itu, rasa kelam, di mana tempat melayu  
nak (hendak) berpijak, kalau tak (tidak) ada UMNO. (mengetuk meja).

**ZY: Pada waktu tu (itu) umur Tan Sri berapa?**

HA: Saya dah (sudah) 30 dah. Dah 30 tahun dah ( bunyi ketukan meja).

**ZY: Ok (Baiklah). Aaa...apakah tugas dan tanggungjawab yang dimainkan oleh Tan  
Sri dalam jawatan tersebut?**

HA: Tu (itu) saya kata tadi, saya jadi Ketua UMNO bahagian, saya jadi.. saya semua jawatan dalam UMNO saya dah (sudah) pegang. Daripada Jawatankuasa pemuda (mengetuk meja), Ketua Pemuda, Jawatankuasa Bahagian, Ketua Bahagian, dan sehingga saya dilantik menjadi Ketua Penerangan UMNO Malaysia. Tak (tiada) ada sejarah, paling lama orang lain jadi Ketua Penerangan empat tahun. Ada setengah tu (itu) setahun lebih je (sahaja). Saya empat belas tahun lebih, lima belas tahun jadi Ketua Penerangan, dan saya juga mempunyai Bekas Ketua UNMO Bahagian yang terlama dalam Malaysia, yang ke dua, kawan saya, arwah Syed Zain, Ketua UMNO bahagian di Segamat. Dia masuk 30 tahun, saya 32 tahun.

**ZY: Ok(Baiklah). Boleh Tan Sri cerikan cabaran yang paling sukar semasa Tan Sri memegang jawatan tersebut.?**

HA: ooo...banyak.

**ZY: (ketawa).**

HA: Awak kena (perlu) duduk dengan saya, empat hari empat malam pun tak (tidak) habis.

**ZY: (ketawa)**

HA: Terlampau banyak. Yang pertama, apabila saya dah di bagi apa (cuba mengingati) di bagi amanah, untuk menjadi seorang pemimpin (bunyi bising) politik UMNO dan kerajaan Kelantan, saya memikir nasib bangsa saya. Semasa saya belum merdeka dulu, masa saya jadi cikgu, saya seorang guru yang amat rajin. Murid tak (tidak) pergi sekolah, saya pergi ikut di rumah tapi saya seorang guru yang amat bengis, saya tampar murid, bukan macam

sekarang. Sekarang cikgu nak (hendak) marah kepada murid pun tak boleh. Ibu bapa pergi marah kepada guru. Kita kalau sayang anak, tak (tidak) usah hantar anak mengaji (sekolah) lah. Kita mengajar sendiri (bunyi batuk), jangan marah. Semua guru kena (perlu) marah kepada murid, kalau tidak, mana murid nak (hendak) pandai. Saya tampar murid yang dulu, saya tak (tidak) setuju dengan dasar pendidikan sekarang. Guru tak (tidak) boleh marah murid nak(hendak) buat apa, guru tak (tidak) boleh marah murid, sama ibu bapa tak (tidak) boleh marah anak. Tak (tidak) boleh marah anak siapa nak (hendak) jadi pemimpin kepada anak. Guru adalah pemimpin kepada murid (ketuk meja), kalau guru tak (tidak) boleh marah kepada murid macam mana? ALLAH S.W.T. marah kepada umat NYA, sehingga sampai lebih teruk hukuman NYA. Balik buminya, jadi banjir besar zaman Nabi Nuh A.S.W. macam-macam bencana berlaku sehingga sampai sekarang pun ALLAH S.W.T buat lagi, DIA marah kepada orang ramai, marah kepada manusia, sampai buat tsunami, gempa bumi, gunung berapi, ini semua kuasa ALLAH S.W.T. Tengok keadaan Amerika sehari dua ni (ini), kena puting beliung, kena taufan, ribut, dia tak (tidak) mati kerana perang, dia mati kerana puting beliung kan.

**ZY: Aaa...**

**HA:** Dan saya pada ketika itu, perkara yang paling saya menekankan ialah soal pendidikan dan juga soal kesihatan. Saya menyiapkan Universiti Sains Malaysia USM di Kota Bharu. Saya yang berusaha walaupun bertahun-tahun tergendala dan saya dapat tahu, saya selesaikannya. Syukur Alhamdulillah, sekarang ni (ini), Universiti Hospital USM tersergam indah. Saya cukup, sebab tu (itu) sampai sekarang, saya ada kemampuan, saya boleh pergi ke



private (peribadi) hospital, saya boleh bayar, tetapi saya tetap pergi ke USM (Hospital) ,kerana sentimental value (nilai sentimental) yang ada pada saya sampai sekarang. Saya pergi sebagai orang biasa je (sahaja), saya tak (tidak) pergi ambil kesempatan, menteri, ada gelaran senator, tak (tidak) ada, saya pergi macam rakyat biasa je( sahaja). Saya duduk, kalau rakyat kena (perlu) tunggu, saya pun kena (perlu) tunggu. Rakyat kena (perlu) tunggu dua jam, saya pun dua jam tunggu. Saya tak (tidak) pernah ambil kesempatan.

**ZY: Ok(baiklah). Aaa...soalan seterusnya, bagaimana Tan Sri mula berkecimpung dengan profession ini?**

**HA:** Saya menyedari hakikat, apabila saya melihat bagaimana kaum saya dijajah, daripada Siam, dari Jepun, datang orang putih (British), semuanya kaum saya, padahal saya kaum Melayu, bangsa pertuanan Negara ini, tetapi duduk di bawah penjajah. Ikut Siam kata, itu, itu lah, ikut Jepun kata itu, itu lah. Jepun suruh keluar menyambut Jepun, beratur tepi jalan, angguk kepada matahari, angguk-angguk, tunduk-tunduk kepada matahari, tunduk- tunduk lah. Itu lah kelemahannya orang kita, saya duk (sedang) baca buku sejarah, sebab saya minat sejarah, baca buku Laksamana Hang Tuah yang dikarang Tun Sri Lanang, saya baca betul-betul, saya menghayati bacaan itu. Saya tengok (sambil mengetuk meja), dan sekarang saya buat satu sajak, dimana Tuah, dimana Jebat (sambil mengetuk meja), dimana Kasturi, dimana Lekir, dan dimana Lenkui. Ini puisi yang saya sedang karang sekarang. Tak (tidak) lama lagi, saya akan siarkan puisi ini, dan saya juga buat satu puisi, Rumah Kayu berbumbung Lima. Nak (hendak) cerita bagaimana, orang duduk di bawah satu bumbung kerana selalu sekarang ni (ini) kita duk (sedang) bercakap Negara kita, Negara majmuk, 1 Malaysia, melayu Cina, India semua duduk di

bawah satu bumbung. Betul duduk di bawah satu bumbung, rumah awak pun.

Awak ada rumah kan?

**ZY:** **Aaa...**

**HA:** Awak ada abang ipar?duduk rumah awak juga?sekali sekala duduk rumah awak? Awak ada kakak ipar duduk dekat rumah awak juga?

**ZY:** **Aaa...**

**HA:** Atas rumah awk tu (itu), mak, bapa awak ada, adik beradik awak ada, adik ipar awak ada, kakak ipar awak ada, abang ipar awak ada, anak saudara awak ada, orang lain pun ada, duduk di bawah satu bumbung. Tetapi masing-masing kena (perlu) tahu tahap nya. Awak tak (tidak) akan kacau dalam bilik air mak awak, ayah awak, ataupun kakak ipar awak. Tak (tidak) boleh begitu. Awak jaga bilik air awak, kakak ipar awak, jaga bilik air kakak ipar awak. Kita semua adalah satu bangsa. Betul, kita duduk di bawah satu bumbung, tetapi orang melayu sekian (masing-masing), orang cina sekian (sekian), orang India sekian (sekian). Mentang- mentang satu bumbung, semua sama, ikut Cina nak (hendak) masuk dalam bilik air Melayu pun tak (tidak) apa. Tak (tidak) boleh begitu, Melayu, Melayu lah. Cina, Cina lah. Melayu tetap Melayu, Cina tetap Cina. Itu iltizam saya, pegangan hidup saya, dan dalam perjuangan saya, ini lah yang saya pegang. Melayu tetap Melayu, Cina tetap Cina, Keling (India) tetap keeling (India) (sambil mengetuk meja). Saya tak (tidak) peduli, orang suka, tak (tidak) suka, saya kata ini adalah pegangan hidup saya.

**ZY:** **Aaa... siapa yang memberi dorongan aaa... pada ketika itu untuk Tan Sri berkecimpung dalam bidang ini?**

HA: Tak (tidak) ada. Keinsafan sendiri. Atas keinsafan sendiri. Itu lah saya kata, saya duduk (sedang) menghayati nasib kaum melayu, bangsa saya, pergi mana-mana saya duk (sedang) perati (perhatikan) nasib orang melayu. Seksa orang melayu dijajah. Ini lah yang kita bimbang sekarang anak muda ni (ini), awak sudah lalu zaman ini, circle (bulatan), atau pusingan. Orang melayu dulu, seksa. Makan ubi kayu, bawah pemerintahan Jepun. Saya jadi guru tak (tidak) ada baju nak (hendak) pergi sekolah. Tak (tiada) seluar nak (hendak) pergi sekolah kerana nak (hendak) mengajar. Sekarang awak, murid duk (sedang) belajar lagi, dah (sudah) pakai jaket (kot). Saya dulu tak (tidak) ada. Saya gatih (mengayuh) basikal, awak pakai kereta pergi sekolah. Saya dulu jadi cikgu, gatih (mengayuh) basikal je (sahaja). Wakaf Bahru, empat belas batu gatih (mengayuh) basikal tiap-tiap hari pergi mengajar. Atas keinsafan, kesedaran itu, mendorong saya aktif dalam bidang politik.

**ZY: Ok(Baiklah). Aaa...ok(Baiklah). Soalan yang seterusnya, untuk Tan Sri mendapat pangkat seperti sekarang, adakah Tan Sri kena (perlu) bertanding dalam pilihan raya?**

HA: Saya tak (tidak) tahu. Pangkat saya tak (tidak) pernah cari. Bahkan jadi calon pun saya tak (tidak) pernah minta. Orang kata jadi calon, jadi calon, orang kata tak (tidak) jadi calon, tak (tidak) jadi calon. Walaupun saya jadi Ketua UMNO Bahagian, tapi pemimpin kata, awak jangan jadi calon, saya tak (tidak) jadi calon, orang lain jadi calon. Saya bekerja macam tu (itu) juga. Saya tak (tidak) pernah cari pangkat. Saya dapat jadi Timbalan Menteri Besar Kelantan pun, saya tak (tidak) pernah minta. Jadi Senator, jadi Menteri kerajaan Pusat pun saya tak (tidak) pernah minta. Dia datang dengan sendiri. Allah S.W.T maha mengetahui. Allah S.W.T menilai sejauh mana perjuangan

kita, sebesar mana harga perjuangan kita. Jadi, TUHAN bagi. TUHAN gerakkan pitu hati Tun Mahathir lantik saya menjadi Timbalan Menteri. Masa tu (itu), dia baru lantik saya jadi Timbalan Menteri Besar Kelantan.

**ZY: Ok(Baiklah). Aaa...Tan Sri bertanding di Dun mana?**

**HA:** Mula-mula saya bertanding, di Rantau Panjang. Dan saya, setempat itu sahaja bertanding. Tak (tidak) bertanding di tempat lain. Itu sahaja. (Bunyi ketukkan meja).

**ZY: Ok (baiklah). Bagaimana pula perasaan aaa... Tan Sri sewaktu memenangi pilihan raya itu?**

**HA:** Saya merasa ini satu beban yang akan di tanggung saya. Saya tak (tidak) boleh tidur memikirkan apa yang harus saya buat. (Bunyi batuk) untuk menunaikan tanggungjawab saya sebagai seorang yang telah diamanahkan oleh keluarga saya., bangsa saya, kaum saya, sebab itu lah saya, saya pegang jawatan (mengetuk meja), sebarang jawatan yang saya pegang saya tak (tidak) pernah abaikan tanggungjawab. Sekarang ni (ini) pun, awak tengok saya kanser, saya masih ada jawatan. UMNO masih meletakkan kepercayaan kepada saya sebagai Ahli Lembaga Pengarah Utusan. Macam mana saya tak (tidak) sihat pun, saya pergi. Sekarang tak (tidak) boleh pakai kasut, kaki sakit. Pergi mesyuarat, saya pergi Kuala Lumpur. Tiga empat kali sebulan saya pergi. Sekarang ni (ini), saya bangun pagi pergi pejabat, balik pejabat, duduk rumah. Saya tak (tidak) pergi dah. Tak (tidak) keluar mana-mana, tak (tidak) pergi dah. (bunyi bising)

**ZY: Aaa... Pada waktu menang pilihan raya, aaa... Tan Sri terima anugerah Dato' ke?**

**HA:** Selepas saya lama-lama dah, saya jadi gelaran Dato' tu (itu) ketika saya jadi Timbalan menteri Besar Kelantan. Raja panggil saya, cakap awak kena terima Dato' kerana awak sudah jadi Timbalan Menteri Besar. Saya bergaul dengan budak-budak lagi, saya jaga sukan, olahraga, saya Presiden Persatuan Olahraga di Kelantan yang terlama. Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Kelantan nombor dua yang terlama. Saya dulu pun, jadi Presiden lama. Jangan kata sekarang sahaja bola sepak Kelantan menonjol. Ketika saya dulu pun, menonjol juga. Enam kali berturut-turut jadi champion (juara) Piala Raja-Raja. Enam tahun turut-turut. (bunyi ketukkan meja). Jadi saya dapat. Tapi, akibat tapak sekolah (UiTM) yang awak belajar sekarang ni (ini), salah satu sebabnya, gelaran Dato' saya ditarik. Tapi, saya redha dan saya tak (tidak) menyesal kerana itu lah sebab nya. Saya kalau budak lain datang nak (hendak) interview (temuduga), saya tak (tidak) terima. Tapi, ini daripada UiTM, Bukit Anjing. (suara). Nama asalnya Bukit Anjing. Saya yang taruk (letak) nama Bukit Ilmu. Saya yang taruk nama tu (itu). Kepala ni (ini) yang letak nama Bukit Ilmu. Awak bagi tahu kepada semua pensyarah.pensyarah- pensyarah awak tu (itu), (bunyi batuk) saya puas hati walaupun saya kena tarik Dato'.

**ZY: Ok (Baiklah). Aaa...Dimanakah Tan Sri menerima anugerah? (Bunyi batuk)**

**HA:** Sini (Kelantan). Di Kuala Lumpur. Tan Sri Kuala Lumpur. Dato' di Kota Bharu.

**ZY: Ok(Baiklah). Aaa...Tan Sri masih ingat lagi ke, aaa...tugas pertama sekali selepas mendapat pangkat ini? Tugas pertama?**

HA: Dia tak (tidak) ada apa jawatan. Gelaran sahaja. Sekarang ni (ini), Dato' melambak. Baling anak batu ke langit, jatuh atas kepala Dato'.

ZY: (ketawa)

HA: Semua jadi Dato' habis. Jual goreng pisang pun dapat gelaran dato'.

ZY: **Ok (baiklah). Aaa...jika nak (hendak) dibandingkan aaa... dengan sekarang ni (ini), perbezaan yang ketara antara politik dulu, dengan politik sekarang.**

HA: Ooo...jauh. (ketawa). Jauh. Macam langit, langit, langit, langit dengan bumi. Dulu, (bunyi batuk) ahli-ahli politik melakukan perjuangan. Kalau pegang jawatan dalam politik, masing-masing bertanya, apa kita nak (hendak) buat. (Bunyi bising). Bagaimana kita nak (hendak) mencapai matlamat perjuangan bangsa kita melalui politik (bunyi bising). Sekarang, dah (sudah) tak (tidak) ada dah. Sekarang, nak (hendak) cari makan sahaja dah. Ha..nak (hendak) jadi calon, beratus-ratus ribu kena belanja. Masa saya dulu, tak (tidak) ada. Tak (tidak) ada. Bahkan nak (hendak) jadi calon sekarang, berebut. Masa saya dulu, saya dulu, arwah Tun Razak dulu, minta suruh jadi calon. Saya jadi calon. Wa...saya terperanjat, balik bagi tahu dengan bapa, orang tua saya. Saya kata, Dato' Razak suruh jadi calon. Saya cakap dengan bini (isteri) saya. Dia minta saya suruh jadi calon, minta suruh berhenti kerja ke, mintak nyawa saya ke, kalau dia minta nyawa saya pun, perjuangan saya sukarela. Saya cakap bini (isteri) saya, awak tak (tidak) usah menyesal. Biarlah saya berhenti kerja, tak apa (tidak mengapa) kerana ini adalah permohonan dari bangsa saya, kaum saya untuk meneruskan perjuangan. Saya berhenti calon, berhenti masuk calon, kalah (bunyi batuk) hidup menderita selama berapa tahun. Tak (tidak) ada kerja. Tidak ada pembelaan macam sekarang. Jadi, sekarang awak kalah

pun tak apa (tidak mengapa), belum kalah lagi, duit dah melimpah dah. (Bunyi batuk). Dengan projek tu (itu), projek ni (ini), sekarang semua politik cari makan lah. Saya berani berkata kepada semua orang, sikit sangat je (sahaja) orang yang berjuang. Sedikit sangat. Jadi Ahli Jawatankuasa UMNO sekejap, dah dapat kontrak itu kontrak ini, buat kontrak. Jadi pemimpin UMNO sekejap je (sahaja) dah boleh pakai kereta besar. Aaa...UMNO, PAS pun sama. Sekarang dulu, jual saja nama, kuasa-kuasa TUHAN kuasa ALLAH. Sekarang PAS dah (sudah) jual dah ALLAH. Awak pernah dengar Tok nenek (datuk dan nenek) awak jual ALLAH? Ha...pernah dengar Tok- tok guru (Tuan Guru) dulu jual ALLAH? Sekarang kerana nak (hendak) hidup, cari makan, jual nama ALLAH. Sebab itu saya tak (tidak) heran orang nak (hendak) sembahyang hajat ke apa, orang PAS ke nak (hendak) sembahyang hajat. Awak sembahyang hajat awak nak (hendak) minta dengan siapa? Nak (hendak) minta dengan TUHAN, awak dah bagi TUHAN awak kepada orang lain. PAS dah (sudah) bagi kepada Cina. Guan Eng, DAP. Mana? Mana ada lagi dah ALLAH (ketuk meja) kepada orang islam. PAS bagi dah kat dia. Awak sedar tu (itu). Awak duk di sekolah, awak duduk di Universiti, awak tanya pensyarah-pensyarah awak, ha...cikgu sedar tak (tidak), professor sedar tak (tidak) kita ni (ini) sudah tak (tidak) ada ALLAH. Awak kena (perlu) cakap dengan dia. (bunyi batuk), kalau tidak, pensyarah-pensyarah pun ramai yang tak sedar. Ye tak? (tidak) .

**ZY: Ok (baiklah).**

HA: Nanti, saya nak cakap, awak balik ni (ini) awak cakap dengan kawan-kawan awak, apa kita nak (hendak) buat sekarang? ALLAH kita sudah di bagi kepada Guan Eng, kepada orang Kristian, (bunyi bisung). Duduk di mana ALLAH kita

sekarang. Dulu setakat ambil kuasa ALLAH saja (sahaja), syurga neraka, sekarang dah (sudah) jual ALLAH. Dimana kita nak (hendak) duduk sekarang? Kalau awak sembahyang, awak sembahyang?

**ZY: Ya.**

**HA: Awak sembahyang awak sembah siapa?**

**ZY: Sembah Allah.**

**HA: Allah tu (itu) sudah di bagi kepada DAP. Awak nak (hendak) sembah siapa lagi. Ini cakap betul. Awak balik tanya rakan-rakan awak di sekolah (UiTM), macam mana kita ni (ini) sekarang. Kita sembahyang sembah Allah. Allah kita sudah di bagi oleh kerajaan PAS, kepada Cina, DAP. Waktu saya warning (memberi amaran) PAS, setengah orang kata, ni (ini) orang PAS yang minta doa. PAS nak (hendak) minta doa dengan siapa? (Bunyi batuk). Allah dia dah (sudah) bagi kepada DAP. Dia tak (tiada) Allah. Habis dah kita. Sesat habis dah. Apa yang saya takut, kita ni (ini) mati masuk neraka semua. Sebab Allah pun dah (sudah) tak (tiada) ada. Allah sudah tidak jadi hak kita dah. Awak nak sembahyang malam ni (ini) awak kena ingat, aku tak (tidak) redha Allah aku dibagi kepada orang lain. Nenek aku lagi, mengekalkan Allah hak kita orang islam. Hari ini kerana nak (hendak) menang Pilhan Raya, Allah di bagi kepada DAP. Apa ni? Ada pensyarah di sekolah awak, saya tahu ni (ini) dari Professor Husin dulu. Husin dulu, kawan saya. Professor Husin tu (itu). Awak sempat dengan dia tak (tidak)?**

**ZY: Tak sempat.**



HA: Dulu dia ketua di situ di UiTM. (bunyi batuk). Dia kata pensyarah-pensyarah di situ pun ramai yang (menggeleng). Sebab tu (itu ) saya kata, kalau pensyarah pun tak (tidak) betul, habis la.

**ZY: Ok (baiklah). Aaa... pernah tak (tidak) aaa... Tan Sri di arahkan untuk bertugas di luar kawasan? Maksud saya, di luar Negara.**

HA: Saya nak (hendak) tunjuk kepada awak, ada gambar. Saya pernah ditugaskan ke Bosnia untuk membantu Bosnia supaya melahirkan sebuah Negara Islam di Eropah. Saya pernah kata kepada Nik Aziz awak berjuang dalam Islam. Mahathir pun sama, sebab selain daripada Osmania, ha... Raja Othman, dia di Turki, mewujudkan Negara Islam di Eropah, Mahathir adalah orang yang mewujudkan Negara Islam di Eropah. Mahathir mewujudkan Negara Islam di Bosnia. Yang wujud Negara Islam di Bosnia tu (itu), Mahathir. Mahathir, hantar saya pergi membantu Pilihan Raya di Bosnia.(Bunyi batuk). Semua Mahathir buat, semua Malaysia yang buat untuk mewujudkan Negara Islam di Eropah, di Bosnia. Itu, itu saya nak (hendak) cerita besar nya peranan Mahathir kerana mewujudkan Negara Islam di Bosnia, dan saya tahu, ini kerana saya di arahkan ke Bosnia untuk membantu Presiden Alija ( Alija Izetbegovic) Presiden Islam yang pertama di Bosnia. Saya juga pernah di (Cuba mengingati) tugaskan ke Baghdad. Saya boleh jumpa dengan Saddam Husin. Ha...Saddam Husin seorang pemimpin yang begitu tegas dalam Negara dia. Awak tengok sekarang. Tak (tiada) ada Saddam Husin, macam-macam dah (sudah) berlaku. Masa saya pergi tu (itu), Baghdad aman di bawah Pimpinan Saddam Husin. Sekarang Saddam Husin dah (sudah) dibunuh. Dikorbankan Hari Raya Haji, yang korbankan Saddam Husin tu (itu) orang-orang dia sendiri la, orang Arab, orang Islam. Orang Islam ni (ini), sekarang ni

(ini) sudah bunuh Ghdafi, ini lah cara orang islam (marah) dengki. Perasaan hasad Dengki sesama Islam, sebab itu lah tidak berkat, pemimpin-pemimpin Islam tak berkat. Dia dengki. Sikit lagi semua (bunyi batuk), pemimpin Islam akan jatuh. Naik presiden baru (bunyi batuk), pun tak (tidak) aman juga. Dulu, buang Husni Mubarak, kerana tak (tidak) puas hati. (mengetuk meja). Naik dia(presiden baru) lagi ramai orang tak (tidak ) puas hati. (bunyi bising)

**ZY: Ok (Baiklah). Soalan yang seterusnya ialah soalan mengenai pengalaman menjadi ahli politik. Ok (baiklah).aaa...boleh Tan Sri ceritakan serba sedikit,aaa...latar belakang Tan Sri sebagai ahli politik?**

HA: Kita tak (tidak) pernah (batuk) tamat perjuangan. Rasullulah s.a.w ialah perjuangan. Kita pun kena berjuang selagi tak (tidak) mati kita kena terus berjuang. Berjuang untuk cari hak dan keadilan. Dan sampai sekarang ni (ini) pun saya tak putus-putus mengingatkan perjuangan kaum saya. Walaupun saya sudah tidak berupaya, tak (tidak) larat macam zaman muda, saya tak (tidak) larat dah. Tapi, saya duduk menung (termenung) sendiri (bunyi batuk) meratap diri sendiri segala apa yang tak (tidak) tercapai-saya duk (sedang) meratapi diri sendiri. Mengapakah di zaman saya tua keadaan ini berlaku, zaman saya muda tak (tidak) berlaku. Kalu (kalau) berlaku zaman saya muda, sayalah orang yang akan duduk di hadapan. Kalau berlaku dulu, saya sebagai Ketua Pemuda, saya sebagai Ketua Penerangan, saya senangtiasa ada di barisan depan. Sekarang saya tua dah, saya tak (tidak) larat dah. Cuma mampu menjawab soalan-soalan yang awak-awak mari, itu aje (saja). (Bunyi ketawa dan batuk) aaa...

**ZY: Ok (baiklah). Aaa...boleh Tan Sri ceritakan pengalaman kenangan pahit dan manis ketika memegang jawatan sebagai ahli politik (bunyi batuk) ketika itu?**

HA: Aaa...ya,saya suatu ketika apa kala ( di masa) nak laksanakan Jalan Timur-Barat...Jalan-Timur Barat.aaa...Jeli ke Gerik, satu perjumpaan dengan mahasiswa-mahasiswa daripada Universiti Malaya di Kota Bharu (batuk). Dia dialog saya, dia tanya saya, mengapa kau di buat jalan itu untuk di berikan kemudahan kepada Cina Ipoh mari ke Kelantan.ha... mengambil kekayaan di bumi Kelantan. Saya renung ke (pada) dia..tapi saya lupa nama dia. Saya nak tahu pasal apa (kenapa) awak pikir (fikir) sangat Achech dan Ipoh masuk Kelantan. Mengapa awak tak (tidak) nak fikir awak orang Melayu keluar ke Ipoh? Pasal apa mesti Cina masuk ke Kelantan? Ini menunjukkan kelemahan diri awak. Apa makna awak pergi belajar di universiti kalau awak masih menanam semangat lemah diri,aaa...menghina diri buat apa macam tu, fikirilah bagaimana kita nak eksport orang Melayu keluar daripada Kelantan. Tapi hari ini, ternyata apa yang dia kata pada saya tu...ada kebenaran. Saya tengok di Kota Bharu, Jalan Kebun Sultan dulu,dulu Kebun Raja dulu..hari ini sudah jadi Cina Town (bandar). Awak balik tanya pensyarah-pensyarah awak, mengapa Jalan Kebun Sultan ini sudah jadi Cina Town (bandar). ha...Cina Town (bandar). Sudah ada Cina Town (bandar) di Kota Bharu sekarang dan mewujudkan negeri Cina yang baru. Di Pasir Pekan, semua perumahan-perumahan yang dibuat oleh apa, Cina apa...Cina ni..termasuklah di jalan..di depan-depan CRT... Ni (ini)..jalan Kota Bharu ni (ini)... Nak buat rumah situ..haa..itu negeri Cina baru dalam Kelantan. Cara macam mana..Cina-cina ni (ini) buat? Dia buat rumah letak harga rumah mahal, orang Melayu tak (tidak) leh (boleh) beli, orang Cina boleh beli. Orang Melayu kena lari.. Sama

